



1 Oktober 2009 (Khamis)

PTPTN: 26,000 dilarang ke luar negara

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Satu senarai mengandungi lebih 26,000 nama peminjam degil Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk menghalang mereka ke luar negara. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Hou Kok Chung berkata, mereka bukan sahaja tidak membayar balik pinjaman lebih daripada lima tahun malah tidak mengendahkan surat peringatan PTPTN. "Peminjam degil ini sudah bekerja sama ada di dalam mahu pun di luar negara tetapi enggan menjelaskan pinjaman. "Saya ingin memberi amaran bahawa mereka akan mengalami masalah semasa mahu balik ke Malaysia atau semasa mahu ke luar negara jika pinjaman tidak dijelaskan," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan dua tiket penerbangan Etihad Airways dari Kuala Lumpur ke Dublin, Ireland, kepada dua pelajar dari Kolej Perubatan Pulau Pinang (PMC) di sini hari ini. Turut hadir Duta Ireland ke Malaysia, Eugene Hutchinson; Presiden PMC, Brendan Lyons dan Pengurus Etihad Airways (Malaysia), Adam Philips. Menurut Kok Chung, pihaknya perlu mengambil tindakan tegas terhadap golongan degil tersebut kerana jumlah hutang mereka terlalu banyak iaitu berjumlah RM400 juta.

Beliau turut menerima panggilan daripada kesatuan pekerja yang meminta kerajaan memberhentikan tindakan menghalang peminjam PTPTN ke luar negara kerana ada antara mereka sentiasa perlu ke luar negara. "Saya memahami permintaan tersebut, namun syarikat terbabit harus menasihati pekerja mereka supaya membayar balik pinjaman PTPTN bagi mengelakkan sebarang tindakan dikenakan," ujarinya.

Dalam pada itu, beliau berkata, sejumlah 124,445 surat tuntutan PTPTN telah dihantar kepada peminjamnya di seluruh negara sejak 31 Ogos lalu. "Bagaimanapun, saya berasa kecewa kerana sebanyak 81,556 peminjam PTPTN langsung tidak memberi sebarang maklum balas kepada kami. "Saya menasihati mereka supaya datang dan berbincang dengan kakitangan PTPTN terlebih dahulu jika mengalami kesulitan untuk membayar balik pinjaman PTPTN supaya masalah itu boleh diselesaikan bersama," kata beliau.

2 Oktober 2009 (Jumaat)

Dr. Zeti dapat penilaian gred A daripada majalah Global Finance

KUALA LUMPUR 2 Okt. – Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz telah memperoleh gred A dalam kad Laporan Penilaian Bank Pusat 2009 yang dikeluarkan oleh majalah Global Finance dari Amerika Syarikat. Dr. Zeti muncul sebagai antara empat Gabenor Bank-Bank Pusat dari benua Asia yang mendapat pencapaian tertinggi itu dan ketujuh di kalangan empat benua dunia. Selain Malaysia, Gabenor dari republik Czech, Kesatuan Eropah, Australia, Korea Selatan, Taiwan dan Israel turut menerima gred A dalam laporan penilaian mereka. Penilaian yang terbaru merupakan satu peningkatan apabila Dr. Zeti diberikan gred B pada tahun lalu. Kecemerlangan itu diberikan berdasarkan tindakan yang diambil beliau dalam menguruskan sistem kewangan negara ketika dunia menyaksikan kemelut ekonomi dan kewangan yang terburuk sejak zaman kemelesetan pada tahun 1930an. Global Finance dalam ulasannya berkata, Dr. Zeti telah menguna pakai pendekatan untuk melonggarkan polisi monetari dengan mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sejak November hingga Mac tahun ini, ketika kadar inflasi merosot.

Pada masa ini, kadar OPR dikekalkan memandangkan ekonomi dijangka pulih pada separuh kedua tahun ini. Global Finance menambah, Dr. Zeti juga telah memberikan tumpuan kepada pendekatan dasar monetari lain bertujuan merangsang pertumbuhan dengan memastikan pengurangan kadar faedah dinikmati oleh para peminjam dan terdapat kecairan yang besar dalam sistem bagi syarikat-syarikat yang memerlukan pembiayaan semula. Bagaimanapun, Global Finance mengingatkan bahawa Dr. Zeti perlu sentiasa berwaspada dalam memastikan usaha menggalakkan pemberian pinjaman tidak membawa kepada penambahan pinjaman tidak berbayar. Menurut majalah itu, 2009 merupakan antara tahun paling mencabar dan bank-bank negara dunia diuji dalam ujian yang belum pernah dilalui sebelum ini.

2 Oktober 2009 (Jumaat)

Duck Tours perlu kelulusan JPJ - Ali

MELAKA 2 Okt. - Operasi kenderaan pelbagai guna di darat dan air, Duck Tours yang sepatutnya bermula Disember lalu tergendala sehingga kini kerana belum mendapat kelulusan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, tanpa kelulusan JPJ, Duck Tours tidak dapat beroperasi di jalan raya negeri ini. Menurut beliau, kerajaan negeri telah meminta Bahagian Teknikal JPJ mempercepat proses itu bagi membolehkan kenderaan berkenaan digunakan sebagai tarikan pelancong ke negeri ini.

"Kerajaan negeri masih menunggu lampu hijau daripada JPJ untuk mendapatkan kelulusan tersebut, selagi tak dapat kelulusan Duck Tours tidak beroperasi di sini. "Saya telah minta JPJ mempercepatkan proses kelulusan kenderaan itu secepat mungkin." Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan teksi air di Taman Rempah di sini semalam. Mohd. Ali berkata, Duck Tours akan menjadi salah satu tarikan pelancong dari dalam dan luar negara kerana belum ada lagi kenderaan seperti itu digunakan di negara ini. "Saya tengok di Singapura dan Florida, Amerika Syarikat, Duck Tours tiada masalah beroperasi dan kita juga import model yang sama digunakan mereka."Jadi, saya rasa memang sepatutnya, kita tiada masalah untuk memulakan operasi Duck Tours," katanya.

Duck Tours mula diperkenalkan September tahun lalu melalui syarikat Duck Ventures Sdn. Bhd. sebagai pengangkutan yang boleh berfungsi di darat dan air untuk membawa pelancong bersiar-siar di sekitar bandar Melaka. Duck Tours yang mampu menampung 38 penumpang pada satu-satu masa akan melalui jalan darat bermula di Dataran Pahlawan dan melalui Kompleks Sejarah Banda Hilir sebelum memasuki perairan Selat Melaka di Pulau Melaka. Bagi perjalanan 45 minit hingga satu jam, harga tiket yang dikenakan ialah RM38 untuk dewasa, RM22 kanak-kanak berusia tiga hingga 12 tahun manakala percuma bagi kanak-kanak berusia tiga tahun ke bawah.

2 Oktober 2009 (Jumaat)

Ketengah laksana projek bernilai RM25 juta

KUALA TERENGGANU 2 Okt. - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) akan melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang bernilai RM25 juta di wilayah tersebut terutama dalam meningkatkan sektor pelancongan. Pengurus Besarnya, Hamzah Ngah berkata, pembangunan tersebut dilaksanakan selepas kerajaan Persekutuan baru-baru ini meluluskan peruntukan berjumlah RM25 juta di bawah Projek Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP). Katanya, di bawah dana khas tersebut, program pembangunan akan dibahagikan pada tujuh projek dengan memberi penekanan terhadap beberapa sektor terutama pelancongan dan pembangunan Tasik Kenyir.

"Program tersebut adalah insan dan pendidikan; teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); pembasmian kemiskinan; ekonomi dan usahawan; infrastruktur sosial; pelancongan dan pembangunan Tasik Kenyir serta perumahan. "Daripada jumlah peruntukan yang diterima, sebahagian besar iaitu sebanyak RM10.3 juta akan diperuntukkan untuk program pelancongan dan pembangunan Tasik Kenyir, diikuti dengan pembangunan infrastruktur dan sosial (RM6.3 juta) serta perumahan (RM3.2 juta)," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini. Mengulas lanjut Hamzah berkata, program pembangunan insan dan pendidikan pula menerima peruntukan sebanyak RM2.2 juta, ekonomi dan usahawan (RM1.7 juta), ICT (RM800,000) dan pembasmian kemiskinan (RM500,000).

Katanya, di bawah program pelancongan dan pembangunan Tasik Kenyir, beberapa projek dikenal pasti termasuk membina terminal pelancongan Gawi di tasik berkenaan. "Selain itu, kemudahan-kemudahan di Taman Herba, Pulau Sah Kecil di Tasik Kenyir juga akan dinaik taraf seiring dengan hasrat menjadikan Tasik Kenyir terus berkembang sebagai salah sebuah pusat pelancongan utama negara ini," katanya.

Menurutnya, di bawah pembangunan infrastruktur dan sosial pula, pihaknya merancang menaik taraf jalan perbandaran di Ceneh Baharu. "Kita juga akan meningkatkan penyenggaraan sistem perparitan di wilayah ini." Selain itu Ketengah juga akan melaksanakan pembinaan 84 jalan kampung di tiga daerah pada tahun ini dalam usaha meningkatkan pembangunan di kawasan tersebut dengan membabitkan pembinaan jalan sepanjang 76.3 kilometer. Peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada RM14.874 juta yang diterima di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi I.

Sebut harga bagi 89 peratus projek jalan berkenaan telah dibuat dan kerja-kerja dijangka berjalan dalam tempoh terdekat. "Di bawah program jalan kampung ini, ia terbahagi kepada jalan kampung dan jalan pertanian. "Tiga daerah yang terlibat dalam projek ini ialah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu." Hamzah menambah, jalan-jalan berkenaan penting bagi memberi kemudahan kepada penduduk kampung terutama murid dan pelajar sekolah berulang-alik ke sekolah. Pada masa sama, para petani dan pengusaha kebun juga akan mendapat manfaat terutama melibatkan pengeluaran hasil pertanian masing-masing.

3 Oktober 2009 (Sabtu)

Kerja roboh bangunan lama diarah berhenti serta merta

IPOH 3 Okt. - Kontraktor yang terlibat dalam merobohkan bangunan lama di Jalan Kamaruddin Isa di sini telah diarahkan supaya menghentikan kerja serta merta selepas bangunan dua tingkat itu runtuh dan menyebabkan dua kematian malam tadi. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, arahan itu dikeluarkan kepada pemaju yang terlibat bagi membolehkan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) melakukan siasatan secara terperinci.

Beliau berkata, perkara utama yang akan diberi perhatian adalah sama ada syarikat terbabit mengikuti prosedur yang dibenarkan bagi meruntuhkan bangunan itu atau tidak. Menurutnya, setiap pemaju, jurutera dan arkitek perlu mematuhi undang-undang jika mahu meruntuhkan bangunan lama bagi tujuan pembangunan semula. "MBI akan mendapatkan laporan polis, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat. "Hasil siasatan itu akan dikemukakan ke pejabat saya Isnin ini untuk diteliti," katanya pada sidang akhbar selepas melawat tempat kejadian di sini hari ini.

Dalam kejadian malam tadi, dua orang mati dan seorang cedera parah apabila kereta mereka dihempap sebuah bangunan lama yang sedang dalam proses untuk dirobohkan. Ketua Polis Perak, Datuk Zulkifli Abdullah berkata, dalam kejadian pada kira-kira pukul 9.30 malam itu, dua mangsa yang terbunuh adalah penumpang kereta berkenaan. Cho Ha berkata, pihak kementerian tidak menolak kemungkinan faktor kecuai menjadi salah satu punca bangunan itu roboh. Kata beliau, bangunan tersebut memang dalam proses untuk dirobohkan dan dibangunkan semula.

MBI telah pun meluluskan pelan bangunan bagi pembangunan semula tiga bulan lalu. Katanya, orang awam dan pekerja yang menyaksikan kejadian itu diminta memberikan maklumat bagi membantu siasatan. Sementara itu, Setiausaha MBI, Abdul Rahim Md. Ariff berkata, pihaknya akan menyerahkan maklumat siasatan mengenai kejadian itu seperti yang diminta pihak kementerian. "Laporan itu termasuk laporan polis sama ada wujud elemen jenayah dalam kejadian tersebut. Buat masa ini MBI sudah mengarahkan semua kerja-kerja merobohkan bangunan itu dihentikan serta merta. "MBI juga akan menyiasat sama ada pemaju terbabit mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1996 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dalam akta yang sama," katanya.

4 Oktober 2009 (Ahad)

Roboh bangunan perlu kelulusan PBT

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Syarikat pemaju wajib mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum menjalankan kerja-kerja membina atau meroboh bangunan bagi tujuan keselamatan. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, kebenaran tersebut hanya dikeluarkan oleh PBT selepas berpuas hati dengan surat permohonan yang dikemukakan. "Apabila pemaju meminta kebenaran mahu membina bangunan baru atau meroboh bangunan lama, pihak jururunding, arkitek dan jurutera dari syarikat itu perlu menghantar surat permohonan bersama pelan projek kepada PBT. "Dalam permohonan itu, mereka perlu maklumkan bila tarikh pembinaan atau kerja-kerja meroboh bangunan akan dimulakan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai prosedur untuk merobohkan bangunan ekoran kejadian di Jalan Kamaruddin Isa, Ipoh, semalam yang menyebabkan dua orang maut manakala seorang lagi cedera parah apabila kereta yang mereka naiki dihempap sebuah bangunan lama yang sedang dirobohkan. Mereka yang maut dalam kejadian itu ialah penumpang kereta Mohd. Zairi Mohd. Sabri, 25, dan Mohd. Firdaus Mohd. Norzila, 23, yang berasal dari Rapat Setia, Ipoh. Pemandu kereta tersebut, Abdil Kudus Ismail, 21, pula mengalami kecederaan.

Mengulas lanjut, Cho Ha berkata, dalam surat permohonan kepada PBT, pemaju juga perlu memaklumkan cara-cara yang akan digunakan untuk meroboh atau membina bangunan. "Cara bagaimana bangunan itu akan dibina atau diroboh perlu dijelaskan kerana PBT mahu memastikan ia dibuat dengan selamat tanpa membahayakan nyawa orang ramai," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, apa yang menjadi masalah, kadangkala ada kontraktor tidak mematuhi peraturan ditetapkan sehingga menyebabkan berlaku insiden kemalangan seperti di Ipoh itu. "Dalam kes di Ipoh, masih terlalu awal untuk membuat andaian kerana ia sedang disiasat oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)," jelasnya.

5 Oktober 2009 (Isnin)

MSC mampu jana 100 projek kreatif



Rakyat Malaysia dan tetamu luar tidak melepaskan peluang bermesra dengan Najib Tun Razak pada Rumah Terbuka Hari Raya 1Malaysia di Pavillon Dauphine in Place du Marechal de Lattre Tassigny, Paris, kelmarin. – BERNAMA.

CANNES, Perancis 5 Okt. - Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia berkemampuan membiayai, membangun serta menghasilkan sekurang-kurangnya 100 projek berdaya kreatif dalam tempoh antara lima hingga 10 tahun dengan mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan. Berucap pada perasmian Pasaran Antarabangsa bagi Filem dan Program Untuk Televisyen, Video, Kabel dan Satelit (MIPCOM) 2009 hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, secara idealnya, Malaysia mahu ia menjadi usaha berkesan yang mana MSC boleh bekerjasama dengan rakan kongsi mereka daripada komuniti antarabangsa.

Beliau menarik perhatian mengenai keghairahan dalam mempromosikan Saladin hasil penerbitan animasi kreatif MSC dan Saluran Kanak-Kanak Al-Jazeera (JCC) dari Qatar yang memaparkan kisah pemimpin legenda Arab - dengan menyasarkan pasaran berbilion penonton Islam. Demikian juga penerbitan tempatan berjudul *Upin dan Ipin* yang berjaya mencatat rekod *box office* dengan syarikat penerbitannya, Les Copagues berjaya menjana RM6 juta dalam tempoh dua bulan pelancaran filem itu yang kini dirancang untuk dipasarkan di Indonesia dengan sasaran 250 juta rakyat negara itu.

"Justeru, saya mengambil peluang mengalu-alukan semua pemain industri di MIPCOM ini untuk datang dan melihat sendiri apa yang boleh ditawarkan oleh Malaysia. "Saya percaya anda akan mendapati Malaysia destinasi yang sempurna untuk pembangunan multimedia berkualiti tinggi yang dapat menembusi pasaran global," kata beliau di Hotel Carlton di sini.

Kunjungan ke Cannes adalah antara program yang diisi Perdana Menteri yang tiba di Paris semalam dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Perancis. Hadir sama pada majlis itu ialah Duta Malaysia ke Perancis, Datuk S.Thanarajasingam dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Datuk Badlisham Ghazali. Kira-kira 12,000 eksekutif televisyen berada di French Riviera di sini bagi mencari program baru untuk direbut di pasaran MIPCOM sekali gus memberi isyarat sama ada industri hiburan sudah pulih atau belum daripada kemelesetan. Kontinjen Asia dari China, Taiwan, Jepun, Malaysia dan Vietnam menghantar peserta teramai.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berpotensi besar dalam industri multimedia berkualiti tinggi berdasarkan kejayaan yang dicapai dalam Inisiatif Kreatif Multimedia MSC (M-CMCI). Kata beliau, syarikat-syarikat MSC Malaysia terlibat dalam pelbagai projek bertaraf dunia dan berjaya mencipta protokol Internet (IP) sendiri selain usaha sama dengan syarikat antarabangsa untuk menghasilkan animasi komputer yang kreatif dan permainan digital. "Salah satu inisiatif yang diambil di bawah M-CMCI adalah penubuhan Pusat Kandungan Kreatif Multimedia Malaysia (MAC3) yang mengkhusus kepada bidang-bidang animasi, pembangunan permainan digital dan kandungan kreatif. "Ketika ini MSC mengandungi 200 syarikat di bawahnya dan menyediakan 7,000 peluang pekerjaan kreatif bernilai tinggi dengan perolehan tahunan lebih AS\$200 juta," katanya.

Menurut Najib, dengan industri hiburan dunia dalam bidang-bidang animasi, pembangunan permainan digital dan kandungan kreatif kini mencecah AS\$1.5 trilion (RM5 trilion), Malaysia berminat menjadi pemain yang signifikan dalam pasaran global. "Untuk memastikan Malaysia terus membangun dan menghasilkan kandungan berkualiti tinggi untuk pasaran global, MDeC telah mendapatkan perkhidmatan daripada beberapa tenaga profesional dalam industri hiburan. "Juga, kita telah membuka pejabat perwakilan kita di Los Angeles yang digerakkan oleh veteran Amerika dalam bidang animasi dan perniagaan filem antarabangsa.

6 Oktober 2009 (Selasa)

Gaji pegawai ATM dipotong 10%

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARI pengarang@utusan.com.my



Zahid Hamidi bersalaman dengan para tetamu pada Majlis Hari Raya Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 6 Okt. – Semua pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bermula daripada pangkat Leftenan Muda dan ke atas serta berkeluarga dikenakan potongan gaji 10 peratus berkuat kuasa 1 Oktober lalu. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, gaji yang dipotong menerusi Peruntukan Paksa ATM itu yang dikreditkan ke dalam akaun isteri bertujuan untuk membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga pegawai berkenaan. Beliau berkata, cadangan melaksanakan pemotongan gaji terhadap pegawai ATM itu telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera sebelum ini. “Ini adalah satu bentuk jaminan dan keprihatinan kita kepada keluarga anggota dan pegawai kerana kita terima banyak laporan ada anggota dan pegawai yang buat pinjaman sehingga tidak mampu menanggung ahli keluarga,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis perjumpaan bersama warga Kementerian Pertahanan sempena Hari Raya Aidilfitri di Wisma Pertahanan di sini hari ini. Katanya, potongan gaji tersebut dibuat daripada gaji pokok semasa setiap pegawai. Ahmad Zahid berkata, potongan gaji tersebut yang dikenali sebagai Peruntukan Paksa telah diperkenalkan oleh ATM pada 1975 ke atas anggota lain-lain pangkat (LLP) sebagai ganti kepada elaun perkahwinan. Dalam pada itu, beliau turut menjawab tuduhan akhbar tabloid sebuah parti politik dan blog mengenai adanya kecacatan dalam persaraan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal baru-baru ini. Menurut beliau, ia bukan isu besar memandangkan persaraan Abdul Aziz mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada mesyuarat MAT ke-484 Ogos lalu.

Beliau berkata, majlis perpisahan bekas Panglima Angkatan Tentera itu juga telah diatur tanpa masalah malah Abdul Aziz sendiri menyatakan hanya mahukan majlis perpisahan sederhana. “Memandangkan tarikh persaraan beliau jatuh pada bulan Ramadan, beliau mahu majlis perpisahan diadakan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri. “Oleh itu tuduhan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu itu semata-mata untuk menjadikannya isu besar adalah tidak benar sekali,” Ditanya adakah beliau kecewa terdapat segelintir pihak terutama dari parti pembangkang yang memanipulasi isu-isu dalam ATM, Ahmad Zahid berkata, beliau tidak merasa kecewa.

7 Oktober 2009 (Rabu)

Tubuh pasukan petugas khas kaji kelemahan PKFZ

KUALA LUMPUR 7 Okt. - Kerajaan menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk mengenal pasti kelemahan tadbir urus dan pengurusan pelaksanaan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) serta langkah penambahbaikan yang perlu diambil. Pasukan itu yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan turut berperanan mengenal pasti langkah yang perlu diambil bagi menjadikan PKFZ lebih berdaya maju. Mohd. Sidek dalam kenyataannya di sini hari ini memberitahu, pasukan itu turut dianggotai oleh 10 ahli dari agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Antara anggota yang dilantik menyertai pasukan itu ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam; Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail; Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr. Wan Abdul Wan Abdullah; Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang, Kee Lian Yong.

Turut dilantik ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif LIN Associates Sdn. Bhd., Tan Sri Dr. Lin See Yan; Vinayak P.Pradhan dari Tetuan Skrine and Co.; Pengarah Urusan PriceWaterHouseCoopers Advisory Services, Chin Kwai Fatt; Presiden Institut Akauntan Malaysia, Abdul Rahim Abdul Hamid dan Presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas. Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Zakaria Bahari akan bertindak selaku setiausaha pasukan dengan dibantu oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Pengangkutan, Datuk Long See Wool. "Pasukan ini dari semasa ke semasa akan memanggil pihak berkaitan untuk turut serta dalam mesyuarat bagi memberi penjelasan dan pandangan," ujarinya.

Mohd. Sidek memberitahu, terma rujukan pasukan tersebut adalah mengenal pasti kelemahan tadbir urus pengurusan pelaksanaan projek PKFZ. Ia diikuti dengan mencadangkan langkah penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan, menentukan sama ada terdapat salah laku individu tertentu dan mengesyorkan tindakan untuk diambil terhadap pesalah laku terbabit. Terma seterusnya adalah menilai kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan PKFZ, merangka model perniagaan bagi memajukan kedua-duanya serta mengesyorkan pelan dan strategi bagi menarik pelaburan tempatan dan asing.

Sementara itu di **KAJANG**, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, polis yakin dapat melengkapkan siasatan berhubung projek PKFZ dalam masa terdekat. Katanya, pihaknya hanya menunggu masa yang sesuai untuk mengambil tindakan sewajarnya berhubung kes itu. "Kita telah menemui kejayaan berhubung siasatan isu PKFZ dan polis akan mengambil tindakan sewajarnya selepas ini," katanya selepas mendengar taklimat berhubung Operasi Utama Perdana di sekitar Kajang di sini hari ini. Ketika ditanya bilakah siasatan tersebut akan selesai sepenuhnya beliau memberitahu, masa akan menentukan perkara tersebut. Pada 4 September lalu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengesahkan polis telah membekukan beberapa akaun termasuk, milik Kuala Dimensi Sdn. Bhd. yang merupakan kontraktor siap guna projek PKFZ, yang dipercayai menjadi bukti dalam siasatan kes projek itu.

7 Oktober 2009 (Rabu)

Bangunan Mara terbiar

Oleh RASMI ABDULLAH kota@utusan.com.my



BANGUNAN Kompleks Tengku Kelana milik Mara yang indah tetapi gagal menarik minat peniaga Melayu walaupun lokasinya strategik di tengah bandar Klang.

KLANG 7 Okt. – Hidup segan, mati tak mahu. Mungkin itulah ungkapan yang paling sesuai bagi menggambarkan sebuah bangunan milik Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang dinamakan Kompleks Tengku Kelana di Jalan Tengku Kelana di sini. Ini berikutan deretan kedai yang berada dalam bangunan lapan tingkat itu kelihatan kosong tanpa penyewa sejak lebih lima tahun lalu. Persoalannya ialah mengapa situasi begitu terjadi pada sebuah bangunan milik agensi kerajaan yang diamanahkan untuk membantu bumiputera. Adakah pembinaannya sekadar melepaskan tanggungjawab membina bangunan di tengah pusat bandar tetapi tiada usaha selanjutnya untuk melihat bangunan itu berperanan sebagai pusat perkembangan ekonomi orang Melayu. Menurut orang ramai yang sering ke kawasan tersebut, bangunan berkenaan sudah lama terbiar sehingga merimaskan pandangan dan menimbulkan persoalan di fikiran mereka. Mereka melahirkan rasa kesal kerana ia kelihatan seperti berlaku satu pembaziran apabila bangunan yang sudah siap itu tidak ada fungsinya.



Amir Singh

Seorang pemandu teksi yang ditemui, Amir Singh, 61, berkata, dia sering menunggu pelanggan di belakang kawasan tersebut sejak lima tahun lalu tetapi tidak pernah melihat bangunan tersebut berfungsi sepenuhnya. Sepanjang tempoh itu, katanya, bangunan itu kelihatan kosong dan hanya terdapat beberapa premis perniagaan yang sudah lama ditinggalkan oleh penyewa. Tambahnya, berdasarkan pemerhatiannya, kebanyakan kedai di situ tidak pernah disewakan atau mungkin tidak ada yang berminat untuk menyewanya. “Saya rasa tapak bangunan ini kalau dibuat tapak letak kenderaan lebih baik daripada bina bangunan kerana ternyata ia satu pembaziran. “Kalau dilihat kepada apa yang ada di

bangunan ini, hanya terdapat pejabat Mara di tingkat lapan, pengawal bangunan dan beberapa pekerja pembersihan yang masih menjalankan aktiviti mereka,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia baru-baru ini.



Nur Shazwani

Seorang pekerja di kawasan berkenaan, Nur Shazwani Rahmat, 20, pula berpendapat, bangunan itu mungkin gagal menarik minat usahawan Melayu kerana bimbang dengan risiko yang mungkin dihadapi. Katanya, peniaga Melayu mungkin takut untuk dengan persaingan kerana sudah terdapat banyak deretan kedai di luar bangunan itu yang sudah beroperasi sejak berpuluh-puluh tahun lalu. Tambahnya, keadaan bangunan itu yang kosong sejak sekian lama menambahkan lagi kebimbangan peniaga terhadap kemungkinan mereka akan rugi jika berniaga di situ.

“Tetapi tidakkah pihak Mara mengkaji terlebih dahulu situasi di tapak tersebut sebelum mengambil keputusan membina bangunan berkenaan. “Lagipun bagi saya konsep bangunan yang tertutup juga tidak berapa sesuai di situ kerana pelanggan lebih suka membeli-belah di kawasan terbuka,” ujarinya yang setiap hari menunggu bas di belakang bangunan tersebut. Seorang penjaja, Saiful Bahari, 34, pula mencadangkan agar pihak Mara mencari penyewa seperti bank, pejabat pos atau agensi kerajaan tertentu agar kawasan itu menjadi tumpuan orang ramai sekali gus dapat menarik penyewa lain untuk datang ke situ.

Ujarnya, adalah satu kerugian jika bangunan itu dibiarkan begitu sahaja kerana kedudukannya sangat strategik di tengah-tengah bandar Klang selain berhampiran dengan perhentian teksi dan bas. Dia yakin bangunan itu boleh menjadi rebutan penyewa sekiranya Mara memperbanyakkan aktiviti di situ agar orang ramai tertarik untuk mengunjunginya seperti mengadakan mini ekspo.

7 Oktober 2009 (Rabu)

Akan dijadikan hotel bajet - Razlan

KLANG 7 Okt. - Bangunan Mara di Jalan Tengku Kelana di sini telah dipajakan kepada Syarikat STN Development (M) Sdn. Bhd., untuk dijadikan hotel bajet. Pengarah Mara Negeri Selangor, Razlan Samsuri berkata, pajakan itu bermula Disember tahun lalu dan bangunan itu akan menjalani proses ubah suai tidak lama lagi. Menurutnya, keseluruhan bangunan itu yang mempunyai 59 lot perniagaan, pejabat serta kawasan tempat letak kereta di bahagian belakang bangunan itu akan terlibat dalam kerja-kerja pengubahsuaian tersebut.

"Ekoran pajakan itu, proses pengosongan bangunan sedang dilaksanakan menyebabkan bangunan tersebut kelihatan terbiar. "Kesemua penyewa telah diberitahu dan mereka dinasihatkan untuk menamatkan penyewaan di sini. "Penyewa yang tidak mempunyai masalah dari segi bayaran sewa dan tindakan undang-undang akan dicadangkan penempatan baru di bangunan Mara yang lain sekiranya ada kekosongan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau mengulas mengenai sebuah bangunan lapan tingkat di Jalan Tengku Kelana di sini yang didakwa terbiar kosong tanpa penyewa sejak lima tahun lalu. Razlan seterusnya menafikan pembinaan bangunan itu yang membabitkan perbelanjaan sebanyak RM8.2 juta sebagai satu pembaziran kerana ia akan beroperasi sebagai sebuah hotel tidak lama lagi. Beliau berharap masyarakat setempat tidak membuat penilaian sendiri tanpa mendapat maklumat yang tepat kerana Mara sudah mempunyai perancangan dalam membangunkan ekonomi orang Melayu. Katanya, kesemua cadangan itu bukan dibuat oleh pejabat Mara negeri secara sesuka hati tetapi sudah dipersetujui oleh pihak pengurusan tertinggi Mara. Ujarnya, bangunan tersebut akan berseri kembali tidak lama lagi apabila kerja-kerja pengubahsuaian oleh pihak syarikat berkenaan selesai dan beroperasi semula sebagai sebuah hotel.

7 Oktober 2009 (Rabu)

121,904 hektar hutan diwartakan

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH utusanakedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 7 Okt. - Kerajaan negeri mewartakan sejumlah 121,904 hektar hutan di seluruh negeri untuk dijadikan hutan simpan dan kawasan tadahan air. Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, pewartaan itu dibuat secara berperingkat bermula pada 13 Mac tahun lalu sebanyak 31,219 hektar diikuti 29 Julai lalu (14,480 hektar) dan yang terbaru semalam iaitu seluas 76,205 hektar. Beliau berkata, pewartaan kawasan tersebut menyebabkan kerajaan negeri kehilangan hasil bumi dianggarkan bernilai lebih RM3 bilion kerana tidak boleh menebang balak di situ.

"Kami berharap Kerajaan Pusat menimbangkan pemberian geran berikutan kesediaan kerajaan negeri mewartakan kawasan tersebut sebagai kawasan tadahan hujan. "Jumlah geran yang diminta akan ditentukan kemudian," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darulaman di sini hari ini.

Azizan berkata, kerajaan negeri turut bersetuju mewujudkan tiga taman negeri melibatkan keluasan kira-kira 65,000 hektar bagi memastikan khazanah hutan yang berharga termasuk hidupan flora dan faunanya terpelihara, sekali gus dijadikan sebagai destinasi pelancongan.

Beliau berkata, kawasan yang dipilih ialah Taman Negeri Ulu MUda berdekatan Tasik Pedu membabitkan keluasan sebanyak 27,196 hektar, Taman Negeri Lembah Bujang, Merbok (11,636 hektar) dan Taman Negeri Langkawi melibatkan kawasan seluas 26,163 hektar. Menurut beliau, taman-taman negeri itu adalah di bawah kelolaan kerajaan negeri dan akan dikendalikan oleh Jabatan Hutan menerusi kos tertentu yang belum diputuskan. "Mesyuarat Exco telah meluluskan perkara ini dan kita akan mewartakannya dalam tempoh terdekat," katanya.

7 Oktober 2009 (Rabu)

40,000 hektar ladang koko menjelang 2020

MARAN 7 Okt. - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi merancang membuka 40,000 hektar ladang koko di seluruh negara menjelang 2020. Timbalan Menteri, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, bagi melaksanakan usaha tersebut, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM83 juta menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Katanya, setiap tahun, lebih 2,000 hektar tanah pekebun kecil akan dimajukan dengan tanaman koko dan mereka dibekalkan benih berkualiti dan insentif sebanyak RM6,500 sehektar sepanjang tempoh lima tahun. "Dengan keluasan ladang tersebut, kita yakin boleh menjadi negara pengeluar utama dunia komoditi itu dan mengeksport bahan makanan berasaskan koko pada tahun 2020.

"Di samping menjadi pengeluar utama, kita juga akan menjadikan koko sebagai satu industri hiliran berdaya maju seperti membuat mentega, coklat, kosmetik, biskut dan minuman," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Asas Koko di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko Lembaga Koko Malaysia (LKM) di Jengka dekat sini hari ini.

Kursus dua hari itu dihadiri 150 pegawai dan kakitangan LKM dari seluruh negara. Kata Hamzah, tanaman koko jika diusahakan secara bersungguh-sungguh, mampu mendatangkan pulangan lumayan kepada pengusahanya dan mempunyai masa depan cerah. Pada masa ini, menurut beliau, harga pasaran koko mencecah hampir RM10,000 sehektar dan ia boleh meningkat lagi jika menggunakan benih bermutu tinggi. Ketika ini jelasnya, Malaysia terpaksa mengimport kerana pengeluaran koko tempatan amat terhad iaitu sekitar 30,000 tan setahun. "Sedangkan industri berasaskan koko negara memerlukan sekurang-kurangnya 320,000 tan setahun," katanya.

Hamzah memberitahu, pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) koko di Bangi, Selangor menjalankan pelbagai kajian agar komoditi itu terus dipelbagaikan bukan sahaja sebagai bahan makanan tetapi juga dalam bentuk barangan lain. Beliau yakin penanaman koko dan projek hiliran komoditi itu dapat memberikan pendapatan lumayan kepada negara dan pekebun kecil sekali gus menghapuskan kemiskinan tegar.

8 Oktober 2009 (Khamis)

Belum ada keputusan ambil alih PLUS

PARIS 8 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, belum ada apa-apa keputusan mengenai cadangan pengambilalihan syarikat pengendali tol terbesar di negara ini, PLUS Expressways Bhd. (PLUS). Malah, kata Perdana Menteri, beliau belum berpeluang mengkaji cadangan tersebut. "Saya belum lihat cadangan itu, kita belum ambil keputusan muktamad," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan rasminya ke negara ini di sini semalam. Baru-baru ini, sebuah akhbar Singapura melaporkan sebuah syarikat Malaysia, Asas Serba Sdn. Bhd. telah mengemukakan cadangan bernilai RM50 bilion untuk mengambil alih PLUS.

Laporan menyebut Asas Serba diwakili oleh Pengerusi Dewan Perdagangan Melayu Kuala Lumpur, Datuk Syed Amin Aljeffri, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Pinelabs (M) Sdn. Bhd., Ibrahim Bidin, bekas Ketua Pegawai Operasi PLUS, Wan Kamaruddin Wan Mohamed Ali dan Pegawai Eksekutif Sepang Aircraft Engineering Sdn. Bhd., Syed Budriz Putra. Mengenai cadangan penstrukturan kadar tol, kata Perdana Menteri, ia masih dikaji oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU). "Kajian EPU itu perlu diselesaikan dulu sebelum keputusan muktamad dibuat," katanya.

PLUS merupakan pengendali lebuh raya terpanjang milik kerajaan melalui Khazanah Nasional sebanyak 24 peratus dan 40 peratus lagi oleh syarikat milik Khazanah, Kumpulan UEM Bhd. Baki 22 peratus kepentingannya dipegang oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Nasional Bhd., sekali gus menyaksikan penguasaan kerajaan lebih 80 peratus. Kebanyakan penganalisis baru-baru ini menyatakan keyakinan mereka bahawa kerajaan akan terus memiliki PLUS kerana dana yang besar berjumlah RM7 bilion diperlukan bagi memiliki baki saham yang tidak dimilikinya. Malah, mereka yakin kerajaan juga tidak akan menjadikan PLUS sebuah entiti persendirian.

Selain itu, mengambil kira kepentingan PLUS yang turut dimiliki oleh pelabur asing, langkah itu akan menyebabkan kerajaan perlu memberi peruntukan besar bagi membeli aset-asetnya yang tidak akan memberi kesan berganda kepada ekonomi berbanding membina lebuh raya baru. Bagaimanapun, kerajaan diberi cadangan supaya membeli aset dan liabiliti PLUS dalam usaha untuk memastikan syarikat pengendali tol itu berupaya mengenakan kadar tol yang rendah dan munasabah kepada penduduk Malaysia. – UTUSAN.

8 Oktober 2009 (Khamis)

Kerajaan mahu tambah 33 PPK

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Kerajaan merancang menambah 33 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di beberapa kawasan bandar di seluruh negara mulai tahun depan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar berkata, langkah itu antara kaedah terbaik untuk menambah bilangan usahawan dan tenaga pakar dalam bidang berkenaan. Katanya, ia bukan saja menambah jumlah peladang dan pekebun tetapi diyakini mampu meningkatkan tahap sosial petani dan pekebun kecil selari dengan kemajuan negara.

"Kita sedia maklum bahawa kebanyakan PPK sebelum ini ditubuhkan di luar bandar dan rata-rata daripadanya mengeluarkan hasil yang memberangsangkan. Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini hari ini.

8 Oktober 2009 (Khamis)

Kereta api laju RM250 juta

Oleh AZMAN IBRAHIM Mazman.ibrahim@utusan.com.my



Gambaran kereta api elektrik dari Korea Selatan yang akan dibawa masuk ke Malaysia.

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Berita baik untuk orang ramai. Penduduk di Ipoh, Perak atau utara Semenanjung Malaysia kini boleh berulang alik dengan mudah ke Kuala Lumpur dalam tempoh kurang dua jam. Ini berikutan kereta api elektrik milik Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB) dijangka mula beroperasi April tahun depan. Malah, penduduk di Ipoh turut berpeluang untuk ke Seremban dalam tempoh kurang tiga jam perjalanan. Kereta api elektrik berkenaan yang berkelajuan 140 kilometer sejam (km/j), adalah untuk perjalanan sejauh 300 kilometer yang menghubungkan Ipoh ke Kuala Lumpur hingga ke hentian terakhir, Seremban.

Presiden KTMB, Dr. Aminuddin Adnan berkata, pihaknya menempah lima set kereta api daripada syarikat pembuat kereta api elektrik dari Korea Selatan, Marubeni dengan setiap set mempunyai enam gerabak (coaches). Beliau memberitahu, kos pembelian kelima-lima set kereta api tersebut adalah sebanyak RM250 juta. Jelasnya, melalui kereta api elektrik berkenaan, orang ramai dapat berjimat tempoh perjalanan kira-kira sejam. "Buat masa ini, kita memperkenalkan tiga hentian iaitu Ipoh, Kuala Lumpur dan Seremban dan set kereta api pertama dijangka tiba pada bulan depan. "Konsep baru ini menepati 1Malaysia yang menyatupadukan setiap kaum di dalam satu pengangkutan awam yang pantas. "Selain itu, ia dapat mempromosi pelancongan Malaysia melalui kereta api elektrik tersebut kerana ia sudah lama diperkenalkan di negara-negara maju," katanya selepas menghadiri majlis jamuan mesra 1Malaysia KTMB di sini hari ini.

Majlis tersebut dihadiri lebih 2,000 jemputan terdiri daripada pesara dan kakitangan KTMB, kakitangan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan serta pelanggan setianya. Selama ini, KTMB mempunyai tiga set kereta api komuter dengan setiap satunya mempunyai empat gerabak dan berkelajuan kira-kira 110 km/j. Aminuddin menambah, kereta api elektrik berkenaan dijangka memuatkan kapasiti penumpang seramai 350 orang untuk setiap set kereta api. Terdahulu, katanya, setiap set hanya mampu memuatkan 250 penumpang. Ketika ditanya mengenai kadar caj tambang untuk kereta api elektrik berkenaan, Aminuddin berkata, pihaknya masih menilai mengenai perkara itu.

8 Oktober 2009 (Khamis)

Kawasan tadahan air ditarah?

Oleh ZULHISHAM ISHAK utusanabah@utusan.com.my



KAWASAN bukit di Jalan UMS, Kota Kinabalu, ditarah untuk projek pembinaan perumahan hingga mencetuskan kebimbangan penduduk setempat kerana mengakibatkan pencemaran bunyi dan alam sekitar. - UTUSAN/Zulhisham Ishak

KOTA KINABALU 8 Okt. – Meskipun terletak kira-kira 25 kilometer dari pusat bandar raya ini, penduduk Sepanggar boleh berbangga dengan pelbagai pembangunan di daerah ini. Sepanggar merupakan antara daerah bersebelahan Kota Kinabalu yang paling maju, selain Putatan dan Inanam berikutan kegiatan ekonomi yang rancak serta pertambahan penduduknya. Pembangunan boleh dilihat hampir di merata tempat dan beberapa mercu tanda bagi ibu negeri ini turut berada di sini antaranya Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).

Begitu juga dengan Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Kota Kinabalu dan Pelabuhan Sepanggar yang kedua-duanya berada di lokasi strategik iaitu Teluk Sepanggar. Aktiviti pembangunan di sini terus rancak dan tidak dapat dinafikan pembangunan adalah mekanisme utama untuk memajukan sesebuah tempat tetapi perlu dilakukan tanpa merosakkan alam sekitar. Namun, jika pembangunan itu dilakukan secara berlebihan tanpa mengira kesan kepada alam sekitar, ia bukan lagi satu bentuk pembangunan tetapi kemusnahan.

Salah satu projek pembangunan yang giat dijalankan tetapi menimbulkan sedikit rasa kurang senang ialah pembinaan perumahan baru di tepi Jalan UMS, dekat sini. Projek berkenaan mencetuskan kebimbangan penduduk di empat kampung berhampiran termasuk Kampung Bugis dan Kampung Unggun kerana menyebabkan berlakunya udara kotor berdebu, bunyi dan banjir kilat di kawasan tersebut. Mereka bimbang projek itu akan memberi kesan kepada alam sekitar apabila bukit bukau di situ yang merupakan kawasan tadahan air dipotong dan ditarah sesuka hati.

Menurut mereka, kegiatan tersebut jika tidak dikawal akan mengakibatkan banjir bukan sahaja di kawasan berkenaan tetapi juga daerah-daerah berdekatan. Seorang penduduk Iwan Tako, 49, sangsi sama ada pembinaan projek berkenaan sudah mendapat laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sabah. Iwan berkata, projek itu yang dilakukan di kiri dan kanan jalan menghasilkan bunyi yang bising sebelum ini ketika kerja-kerja menanam cerucuk tetapi kini masalah lain pula timbul.

Katanya, masalah utama sekarang ini ialah apabila panas, kawasan sekitar akan berdebu dan ketika hujan lebat selama beberapa jam, banjir kilat pula berlaku. “Biasanya banjir akan membuatkan jalan itu yang mempunyai dua lorong ditutup kepada satu lorong kerana air naik dengan cepat ke jalan. “Bukan itu sahaja banjir tersebut akan membawa bersama sekali tanah berlumpur dari bukit berdekatan, keadaan ini akan membahayakan dan mengotorkan jalan raya,” ujarinya.

Penduduk lain, Ismail Abdullah, 40, bimbang, jika langkah pemantauan tidak diambil, aktiviti memotong bukit akan terus dilakukan secara berleluasa tanpa mempeduli kesannya. Dia hairan sama ada pihak pemaju berkenaan benar-benar mematuhi syarat-syarat EIA jika sememangnya telah diberikan kelulusan itu sebelum projek tersebut dimulakan. “JAS Sabah perlu meneliti adakah pihak berkenaan mematuhi syarat-syarat EIA dan mengikut peraturan serta keluasan bukit-bukit yang dibenarkan untuk dipotong,” katanya.

Bagi Danawi Mengajar, 51, pula, penduduk berhampiran bukan anti Pembangunan tetapi satu-satu projek besar seperti itu perlu dilakukan secara teratur dan sistematik. Menurutnya, kajian perlu dilakukan terlebih dahulu untuk jangka masa pendek atau panjang supaya tidak timbul masalah di kemudian hari seperti yang berlaku hari ini. Danawi berkata, Sepanggar memang sebuah wilayah yang amat maju tetapi tidak boleh dibangunkan secara rakus dan sesuka hati atas alasan untuk pembangunan. "Perlu ambil kira kepentingan umum lain, jika pemaju tidak mematuhi peraturan walaupun tanah persendirian, pihak yang bertanggungjawab perlu ambil tindakan segera," katanya.

Kerisauan itu turut dialami Ahmad Basri Ander, 44, yang mahu bukit-bukit di situ tidak dikorek secara semberono walaupun tanah itu merupakan milik persendirian. Beliau berharap, unit-unit rumah baru di situ akan disiapkan secepat mungkin supaya semua masalah tersebut selesai dan tidak berbangkit sebarang masalah selepas itu.

8 Oktober 2009 (Khamis)

Tunggakan cukai MDS RM2.7j

Oleh KAMIL MASLIH utusanjohor@utusan.com.my

SEGAMAT 8 Okt. - Kegagalan para pemilik harta dan peniaga di Segamat membayar cukai harta dan lesen mengakibatkan hasil cukai sebanyak RM2.7 juta masih belum diperoleh bagi tahun ini. Pegawai Daerah Segamat, Burhan Amin berkata, jumlah berkenaan merangkumi sebanyak 60 peratus cukai bernilai kira-kira RM2 juta dan 37 peratus lesen perniagaan membabitkan nilai RM700,000. Beliau memberitahu, bayaran cukai harta dan lesen niaga itu sepatutnya dijelaskan awal tahun ini tetapi sehingga kini masih ramai yang belum menjelaskannya. "Sepatutnya bayaran cukai harta dan lesen perniagaan ini dibuat pada Januari lalu tetapi sehingga awal Oktober ini masih ramai yang belum membuat bayaran. "Seboleh mungkin, pihak kami tidak mahu mengambil tindakan mengenakan kompaun, sehubungan itu kita menasihatkan supaya mereka yang belum menjelaskan bayaran, supaya berbuat demikian dengan segera," katanya di sini baru-baru ini.

Katanya, tindakan undang-undang melalui pengeluaran kompaun akan hanya mengakibatkan mereka yang terbabit mengalami kerugian yang lebih besar daripada nilai cukai yang perlu dijelaskan. Katanya lagi, golongan berkenaan sewajarnya sedar yang tindakan tidak bertanggungjawab itu akan turut menjejaskan operasi pihak Majlis Daerah Segamat (MDS). Dalam pada itu, Burhan memberitahu, pihak MDS akan menawarkan potongan sebanyak 50 peratus kepada kompaun kesalahan meletak kenderaan bermula bulan ini. "Potongan yang diadakan sehingga 31 Oktober ini akan membolehkan orang ramai membayar hanya RM15 bagi kesalahan yang dilakukan berbanding RM30 sebelum ini," katanya.

9 Oktober 2009 (Jumaat)

Imej Putrajaya tercalar di Presint Diplomatik

PUTRAJAYA satu nama yang begitu gah kerana di situlah terletaklah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Tahap kebersihannya amat memuaskan dan landskapnya begitu menarik dan terurus. Namun apabila sahaja melangkah ke kawasan baru yang boleh juga dikatakan sebagai antara bandar baru di Putrajaya iaitu Presint Diplomatik, senario sebaliknya pula yang disaksikan. Contohnya di Jalan Diplomatik yang menempatkan sebuah pasar raya, lot-lot kedai dan pejabat termasuk pusat penerangan pelancongan, rimbunan pokok-pokok hiasan sebagai landskap kelihatan terbiar tanpa diuruskan. Bayangkan ketika di awal pembukaan kawasan ini, suasana persekitarannya kelihatan begitu menarik dan sejuk mata memandang. Tetapi kini pokok landskap tersebut tidak ubah seperti kawasan semak tanpa tuan yang tumbuh melata tanpa kawalan.

Kelihatan pelepah pohon hiasan yang gugur bertaburan dan menimpa pula pohon hiasan di bawahnya yang kini membesar tanpa diselenggarakan. Rumput yang sepatutnya dipotong secara berjadual turut bebas membesar tanpa gangguan sehingga wujud kawasan mirip semak samun. Contoh di hadapan restoran sup bertentangan sebuah pasar raya. Selain itu keadaan trafik juga menjadikan Jalan Diplomatik menjadi sesak sebelum waktunya. Ini berikutan tiada mana-mana pihak berkaitan memantau trafik di kawasan ini.

Kenderaan boleh diletakkan di mana-mana sahaja termasuk di petak perhentian bas dan melakukan parking berlapis di hadapan kedai khususnya kedai makan. Adakah pihak yang menyelenggarakan Presint Diplomatik masih belum bersedia untuk melaksanakannya kerana baru dibuka walaupun hampir setahun? Eloklah jangan dibuka sesuatu kawasan baru khususnya kawasan tumpuan ramai selagi pihak berkaitan belum benar-benar bersedia mengurus dan menyelenggarakannya.

9 Oktober 2009 (Jumaat)

CTRM sasar kontrak RM8.5b

Oleh ZABRY MOHAMAD dan HELMI MOHD. FOAD pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 9 Okt. - Syarikat pembuat dan pembekal komponen komposit pesawat, Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM) yakin dapat meningkatkan nilai tempahan kontrak sehingga RM8.5 bilion menjelang akhir tahun ini. Sasaran itu bakal dicapai melalui kontrak-kontrak baru daripada pelbagai pelanggannya. Nilai tempahan kontrak CTRM dijangka melonjak sehingga RM6.5 bilion berbanding tempahan terkini sebanyak RM3 bilion hasil perjanjian dengan Goodrich Corporation, pembekal global sistem dan perkhidmatan aeroangkasa berpangkalan di Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan perjanjian itu berkata, keseluruhan kontrak diraih CTRM dengan Goodrich bernilai RM3.5 bilion. Beliau berkata, tempoh kontrak itu berdasarkan jangka hayat pesawat yang dikeluarkan iaitu selama 20 tahun dengan nilai kontrak bernilai RM450 juta bagi tempoh lima tahun akan datang. "CTRM dan Goodrich telah menandatangani satu perjanjian yang akan menjadikan CTRM sebagai pusat kecemerlangan pembuatan komposit yang mengeluarkan komponen nasel untuk pelbagai jenis pesawat bagi tempoh dua dekad akan datang.

"Dengan perjanjian ini, CTRM akan meningkatkan keupayaan dalam membekal komponen komposit yang lebih besar serta kompleks dan pemasangan komponen komposit untuk program jangka panjang. "Ini akan mengukuhkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak yang wujud sejak 2004," kata beliau. Beliau bercakap pada sidang akhbar mengumumkan kontrak Goodrich dan CTRM di sini hari ini. Hadir sama Pengerusi CTRM, Datuk Syed Ali Al Habshee; Ketua Pegawai Rangkaian Pembekalan Goodrich, Dan Pleshko dan Pengarah Rangkaian Pembekalan Goodrich, Timothy M. Martin.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut menyaksikan penyampaian Anugerah Pembekal Strategik 2009 oleh Goodrich kepada CTRM. Ia disempurnakan Pleshko yang mewakili Goodrich kepada Ketua Pegawai Eksekutif CTRM, Datuk Rosdi Mahmud. CTRM yang ditubuhkan pada 1990 dengan Kementerian Kewangan Diperbadankan sebagai pemegang saham utama mengeluarkan dan membekal struktur aerokomposit bagi pelbagai jenis pesawat utama. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, baki kontrak bernilai RM2 bilion yang diperoleh CTRM daripada Goodrich akan diumumkan dalam masa terdekat. "Ini kerana terdapat beberapa terma komersial yang perlu dimuktamadkan," katanya.

Beliau berkata, CTRM dan Goodrich berkongsi satu matlamat dalam mencapai kecemerlangan dengan mengaplikasikan prinsip 'Lean dari Sistem Pengeluaran Toyota' dan prinsip penambahbaikan yang dipelopori Goodrich. "Dengan ini, CTRM telah diberikan Anugerah Pembekal Strategik bagi 2009 oleh Goodrich. "Anugerah ini amat berprestij kerana hanya beberapa pembekal Goodrich dari seluruh dunia dipilih," katanya.

9 Oktober 2009 (Jumaat)

Tubuh konsortium di peringkat akhir

Oleh ROHANI IBRAHIM pengarang@utusan.com.my



Abdul Rahim Thamby Chik (dua dari kiri) bersalaman dengan kakitangan dan tetamu yang hadir pada majlis Hari Terbuka Aidilfitri RISDA 2009 di Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, semalam.

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Penubuhan konsortium yang dianggotai Felda, RISDA dan Felcra kini di peringkat akhir dan hanya menunggu 'lampu hijau' daripada Datuk Seri Najib Tun Razak. Pengerusi RISDA, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata, semua pihak bersedia melaksanakan projek yang sudah dikenal pasti pada bila-bila masa saja selepas mendapat restu Perdana Menteri. "Projek yang dikenal pasti boleh dimulakan pada bila-bila masa kerana infrastruktur sudah ada cuma dari segi pentadbiran, perundangan dan memorandum persefahaman semua ini perlu disatukan. "Kita juga ada pengalaman, sumber-sumber dan tenaga profesional yang cukup. Jadi apabila dapat 'lampu hijau' saja semua akan bergerak," katanya.

Abdul Rahim berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Hari Terbuka Aidilfitri RISDA 2009 di Ibu Pejabat RISDA Jalan Ampang di sini hari ini. Pada 23 Ogos lalu, Najib mencadangkan supaya tiga agensi pertanian terbesar di negara ini bergabung mewujudkan satu konsortium bagi membolehkannya melaksanakan pelbagai projek industri hiliran berimpak tinggi. Jelas Abdul Rahim, pihaknya menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk menentukan peneraju konsortium tiga agensi tersebut. "Sementara pemegangan ekuiti yang dicadangkan ialah ekuiti asas yang sama di antara ketiga-tiga agensi. "Setakat ini soal membolehkan para pekebun kecil dari tiga agensi terlibat untuk memegang saham dalam konsortium berkenaan belum lagi ditimbang," katanya. Abdul Rahim menjelaskan, objektif penubuhan konsortium tiga agensi itu ialah meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada yang lain.

"Modal yang diperlukan sedang ditentukan pada masa ini. Pihak yang terlibat seperti Felda, Felcra dan RISDA akan ada sumbangan ekuiti yang cukup dan mungkin ada penyertaan daripada kerajaan persekutuan, "Setakat ini perkembangan mengenai penubuhan konsortium tiga agensi ini nampaknya berjalan dengan licin dan lancar. " Abdul Rahim berkata, antara mesyuarat yang dijalankan ialah perbincangan berhubung penyediaan sebuah memorandum perjanjian. "Kita hendak lihat konsortium tiga agensi ini benar-benar boleh berfungsi dan membawa kebaikan kepada RISDA, Felda dan Felcra selain kepada para pekebun kecil dan sektor ekonomi negara.

"Projek yang dikenal pasti boleh dilaksanakan konsortium adalah projek yang kita ada kepentingan bersama dan memberi kesan kepada perjuangan pekebun kecil, peserta rancangan dan peneroka Felda," jelasnya. Ini, tambah Abdul Rahim, termasuk projek-projek yang berasaskan sumber-sumber yang dimiliki selama ini seperti kegiatan berasaskan kelapa sawit dan getah dalam bidang hiliran di dalam dan luar negara.

9 Oktober 2009 (Jumaat)

Kontraktor Malaysia dapat 16 projek luar negara RM3.7b

BANGKOK 9 Okt. - Kontraktor Malaysia yang memperoleh 155 projek di luar negara bernilai AS\$15.57 bilion (RM53.5 bilion) sejak tiga tahun lepas, memperoleh 16 projek lagi bernilai AS\$1.06 bilion (RM3.7 bilion) setakat tahun ini. Setiausaha Agung Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM), Yap Yoke Keong berkata, rekod Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menunjukkan 2006 merupakan tahun terbaik, dengan 59 projek bernilai AS\$8.17 bilion (RM28.6 bilion). Tahun lepas, syarikat Malaysia mendapat 40 projek bernilai AS\$2.43 bilion (RM8.5 bilion), katanya. Yoke Keong berkata, sehingga suku kedua 2009, kontraktor Malaysia menyiapkan 467 projek luar negara bernilai AS\$8.5 bilion (RM29.9 bilion) manakala 131 projek bernilai AS\$18 bilion (RM63.1 bilion) sedang dilaksanakan.

"Kesemua projek ini bagaimanapun melibatkan hanya 103 kontraktor, angka yang sangat kecil berbanding kira-kira 65,000 kontraktor berdaftar di negara ini," katanya semasa membentangkan laporan negara Malaysia pada mesyuarat Majlis Persekutuan Kontraktor ASEAN ke-29, di sini hari ini.

Hampir separuh kontrak luar negara yang diperoleh syarikat Malaysia sejak 1997 bertumpu di Timur Tengah, kata Yoke Keong yang menambah Arab Saudi menyediakan bahagian terbesar dengan RM20.73 bilion, diikuti India dengan RM14.1 bilion dan Emiriah Arab Bersatu bernilai RM10.5 bilion. Di Malaysia, pembinaan merekodkan pertumbuhan positif 2.8 peratus pada suku kedua 2009, sebahagian besarnya projek berkaitan pakej rangsangan, terutama pembinaan projek bukan kediaman seperti sekolah, kolej dan hospital, kata Yoke Keong. Beliau berkata, bagi dua pakej rangsangan bernilai RM67 bilion, sejumlah 83,939 projek sudah agihkan.

Meskipun sudah menampakkan kesan positif hasil pakej rangsangan, MBAM berpendapat ia mungkin tidak mencukupi untuk membolehkan ekonomi keluar daripada kelembapan pada asas yang lebih kukuh. Yoke Keong berkata, persatuan itu menggesa kerajaan menyegerakan pengagihan baki projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi memastikan kelestarian dan pertumbuhan industri pembinaan dan memenuhi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar domestik sebanyak tiga peratus pada 2009.

Persatuan itu katanya, menaruh harapan terhadap projek infrastruktur seperti projek pemindahan air mentah Pahang-Selangor bernilai RM2.6 bilion, sambungan projek pengangkutan transit aliran ringan sebanyak RM7 bilion, terminal syarikat penerbangan tambang murah (RM2 bilion), projek rel berkembar Johor Bahru (RM5 bilion) dan projek bekalan air Langat 2 (RM4.5 bilion). – BERNAMA.

10 Oktober 2009 (Sabtu)

Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang mengikut jadual

BATU KAWAN 10 Okt.— Kerja-kerja pembinaan bagi projek Jambatan Kedua Pulau Pinang berjalan mengikut jadual walaupun terdapat sedikit kelewatan pada peringkat awal pelaksanaan projek itu. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, pakej satu dan dua projek itu masing-masing dengan kos sebanyak RM2.2 bilion dan RM1.55 bilion dijangka siap sebelum 2013.

"Projek ikonik bagi Pulau Pinang ini diuruskan secara profesional oleh profesional, setakat ini tujuh peratus kerja-kerja pembinaan telah berlangsung. "Dengan siapnya projek ini perkhidmatan pengangkutan Pulau Pinang akan menjadi lebih cekap dan dapat memberi kesan yang baik kepada ekonomi," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek Jambatan Kedua Pulau Pinang bermula di Jeti Batu Maung hingga ke Jeti Pulau Aman di Batu Kawan di sini hari ini.-Bernama

11 Oktober 2009 (Ahad)

LKIM belanja RM110 juta

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH utusankedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 11 Okt. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengagihkan sebanyak RM110 juta elaun sara hidup kepada kira-kira 55,000 nelayan berdaftar di seluruh negara. Pengerusinya, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata, bantuan itu disalurkan kepada kumpulan sasar menerusi peruntukan khas sebanyak RM180 juta yang disediakan oleh Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Katanya, bayaran insentif sara hidup sebanyak RM200 sebulan itu bertujuan membantu meringankan beban golongan berkenaan dalam menampung perbelanjaan kehidupan seharian.

"Dianggarkan terdapat kira-kira 70,000 nelayan di seluruh negara. Kita telah berusaha habis-habisan mengesan mereka dan sehingga kini memperoleh 55,000 orang. "Kesemua yang dikesan itu akan disahkan terlebih dahulu kelayakan mereka berdasarkan beberapa

syarat yang ditetapkan oleh kerajaan sebelum dibayar elaun sara hidup," katanya kepada pemberita pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri LKIM negeri di pekarangan lobi pelabuhan LKIM Kuala Kedah di sini hari ini.

Abdul Rahim berkata, elaun sara hidup nelayan itu dikreditkan terus ke dalam akaun bank golongan nelayan yang layak pada setiap bulan sejak Ogos tahun lalu. Bagaimanapun, katanya, mulai 10 September lalu, cara pembayaran elaun itu telah berubah iaitu secara tunai bagi memastikan objektif pemberiannya benar-benar mencapai matlamat. "Kerajaan berharap nelayan yang menerima elaun sara hidup sebanyak RM200 itu dapat memanfaatkannya sebaik mungkin. "Nelayan yang datang mengambil elaun itu akan diberi motivasi selama sejam mengenai apa yang perlu dibuat untuk menyara dan menguruskan kehidupan keluarga masing-masing," ujar beliau.

Abdul Rahim menegaskan, pemberian insentif itu menunjukkan kerajaan amat prihatin terhadap nasib golongan nelayan di negara ini yang turut berdepan kenaikan kos sara hidup. Kata beliau, menerusi pelbagai bantuan kepada nelayan khususnya melalui LKIM yang ditubuhkan sejak 39 tahun lalu, golongan berkenaan seharusnya bersyukur dan berusaha memperbaiki taraf hidup mereka. "Macam-macam program yang dibuat menerusi LKIM sepanjang 39 tahun lalu yang tidak diheboh-hebohkan kerana kita serius membela nasib golongan nelayan. "Jadi kita berharap nelayan-nelayan ini menghargai segala bantuan kerajaan ini," katanya

11 Oktober 2009 (Ahad)

Operasi kompleks baru 2010

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH utusankedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 11 Okt. - Selepas menanti selama lebih tiga tahun, ribuan nelayan di sekitar bandar raya ini dijangka dapat menggunakan sepenuhnya pelabuhan baru Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kampung Kuala Kelonchor, Kuala Kedah di sini menjelang hujung tahun depan. Pengarah LKIM negeri, Mohd. Noor Had berkata, sijil layak menduduki (CF) pelabuhan bernilai kira-kira RM50 juta yang siap pembinaannya pada 2006 itu dijangka diperoleh hujung bulan ini. Menurutnya, sejurus mendapat CF berkenaan, kerja-kerja melengkapkan kemudahan termasuk pembinaan pusat jualan minyak, jeti pendaratan bot-bot kecil dan kantin serta surau akan segera dilaksanakan.

"Pembinaan pelbagai kemudahan dan kelengkapan itu dijangka mengambil masa selama enam bulan. "Selepas mengambil kira beberapa perkara, menjelang hujung tahun depan insya-Allah pelabuhan ini akan dapat beroperasi sepenuhnya," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri LKIM negeri di pekarangan lobi pelabuhan LKIM Kuala Kedah di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Pengerusi LKIM, Datuk Abdul Rahim Ismail. Khamis lalu *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan mengenai kekecewaan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar kerana pelabuhan itu tidak dimanfaatkan meskipun kerajaan mengeluarkan belanja besar membinanya. Beliau kecewa kerana pembinaannya telah siap tiga tahun lalu tetapi sehingga kini belum dapat digunakan sepenuhnya gara-gara kelemahan perancangan pada peringkat awal. Pelabuhan baru LKIM yang didirikan di atas tanah seluas kira-kira 14 hektar itu dibina bagi menggantikan jeti Kuala Kedah yang dianggap tidak lagi sesuai pada masa ini. Selain menyediakan pusat pendaratan ikan yang selesa kepada para nelayan, ia bakal menjadi pelabuhan moden yang menjadikan urusan jual beli ikan lebih teratur dan sistematik.

11 Oktober 2009 (Ahad)

TNB rancang bina dua empangan baru di Terengganu, Pahang

KUALA TERENGGANU 11 Okt. — Tenaga Nasional Berhad (TNB) merancang membina dua empangan hidroelektrik baru, masing-masing sebuah di Hulu Terengganu, Terengganu dan Hulu Jelai di Pahang. Naib Presiden (Sumber Manusia) TNB, Muhammad Razif Abdul Rahman berkata, empangan hidroelektrik yang akan dibina di Hulu Terengganu itu terletak di kawasan Sungai Tembat dan Sungai Puah dengan kapasiti 250 megawatt manakala empangan yang akan dibina di Hulu Jelai dengan kapasiti 372 megawatt.

Beliau bagaimanapun berkata, masih terlalu awal untuk mendedahkan anggaran kos dan keluasan kedua-dua empangan berkenaan namun menjelaskan projek itu akan dimulakan dalam masa terdekat. "Kedua-dua empangan hidroelektrik itu akan dibina serentak dan dijangka siap pada tahun 2014," katanya.

Muhammad Razif berkata, kini proses mengeluarkan tender diadakan. Katanya, empangan yang akan dibina di Sungai Tembat dan Sungai Puah itu merupakan empangan ketiga di Terengganu dan lebih kecil daripada empangan pertama iaitu Stesen Janaelektrik Sultan Ismail di Paka yang mengeluarkan tenaga dengan kapasiti 1,200 megawatt dan Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud, di Tasik Kenyir dengan kemampuan 400 megawatt.